

Kita perlu sokongan pelabur asing — PM

UM 30 JUL 2003

CYBERJAYA 29 Julai — Malaysia memerlukan sokongan berterusan daripada pelabur-pelabur asing bagi membantu membangunkan negara terutama dalam bidang teknologi, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan begitu bercita-cita untuk memajukan pelbagai perkara, namun ia tidak akan berjaya tanpa bantuan pelaburan dari luar.

"Kami mempunyai cita-cita besar dan mahu melakukan macam-macam perkara.

"Tetapi keupayaan terhad. Oleh itu kami memerlukan bantuan dari luar," katanya ketika merasmikan pusat serantau syarikat telekomunikasi Ericsson, yang dikenali sebagai Ericsson@MSC di sini, hari ini.

Katanya, antara bidang

yang diberi tumpuan oleh kerajaan sekarang ialah teknologi maklumat yang sentiasa mempunyai produk-produk baru dan terkini.

Beliau memberitahu, bagi memastikan dapat bersaing dengan perkembangan teknologi itu, negara perlu mendampingi mereka yang ada teknologi.

Setanding

"Jadi kami bukan sahaja memerlukan mereka yang dapat berfikir, tetapi mampu melaksanakannya supaya Malaysia terus maju ke depan setanding dengan negara-negara lain di dunia," katanya.

Sehubungan itu, jelas beliau, kerajaan amat menghargai langkah Ericsson melabur di Malaysia terutama di Koridor Raya Multimedia.

Ia juga membuktikan kemampuan MSC untuk mena-

rik syarikat-syarikat besar dunia beroperasi di sana.

Sehubungan itu Perdana Menteri berharap, syarikat-syarikat asing yang beroperasi di negara ini terutama di MSC sebagai pusat menghasilkan produk dan teknologi baru.

Berdasarkan kepada perkembangan itu, beliau juga yakin Cyberjaya akan jadi sebuah bandar yang dipenuhi dengan pembangunan dan kemudahan terkini di samping taman yang menarik.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut membuat panggilan suara dan data antarabangsa yang pertama di rantau ini dengan menggunakan dua sistem bergerak Generasi Ketiga (3G) iaitu EGDE ke WCDMA.

Panggilan itu yang dibuat dari sistem EDGE di Ericsson@MSC telah menghugurkan Perdana Menteri

dengan tiga rakyat Malaysia di Sweden iaitu kakitangan Ericsson Malaysia yang berpangkalan di negara itu.

Mereka ialah Pengarah Projek Ericsson Connectivity Packet Platform for 3G, Cathy Tang; Jurutera Sokongan Ujian, Johnny Ong dan Jurutera Penyelidik Kanan, Vicknesan Ayadurai yang menerima panggilan itu melalui rangkaian WCDMA 3, salah satu daripada sembilan rangkaian WCDMA komersial di dunia.

Mereka turut menghantar gambar berserta pesanan peribadi kepada Perdana Menteri melalui sambungan yang sama.

Dalam perbualannya, Dr. Mahathir berharap mereka menimba sebanyak mungkin ilmu ketika di Sweden dan apabila kembali ia boleh digunakan untuk membantu membangunkan negara.